



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

PEKELILING BENDAHARI BIL. 2/2016

EDARAN SEPERTI LAMPIRAN

YBhg. Prof / Prof. Madya / Dr. / Tuan /Puan

PINDAAN KELAYAKAN BAYARAN SEWA HOTEL SEMASA MENJALANKAN TUGAS RASMI

Tujuan

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan pindaan kepada Para 4.3 (vi) Pekeliling Bendahari Bil.2 Tahun 2014 (Panduan Tuntutan Perjalanan Rasmi Dalam Negeri) berkenaan kelayakan bayaran sewa hotel di Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Labuan bagi pegawai gred 1 hingga 52.

Latar Belakang

2. Perbendaharaan telah membuat pemurnian semula Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003 melalui Pekeliling Perbendaharaan WP1.4 iaitu Kadar dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Menjalankan Tugas Rasmi (Tidak Termasuk Anggota Tentera dan Polis).

Pindaan Kelayakan Bayaran Sewa Hotel

3. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil.4/2015 (Kali Ke -35) yang telah bersidang pada 17 Disember 2015 telah bersetuju meluluskan cadangan menerima pakai WP1.4 Kadar dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Menjalankan Tugas Rasmi (Tidak Termasuk Anggota Tentera dan Polis) berkaitan pindaan kepada kadar kelayakan maksimum bayaran sewa hotel bagi pegawai gred 1 hingga 52 sepertimana Jadual 1 di bawah :

Jadual 1 : Kadar kelayakan maksimum bayaran sewa hotel

Gred	Semenanjung Malaysia		Sabah, Sarawak dan Labuan	
	Kadar Lama (RM)	Kadar Baru (RM)	Kadar Lama (RM)	Kadar Baru (RM)
45 hingga 52	180.00	240.00	200.00	270.00
41 hingga 44	160.00	220.00	170.00	250.00
27 hingga 40	140.00	200.00	160.00	230.00
17 hingga 26	130.00	180.00	150.00	210.00
1 hingga 16	120.00	160.00	140.00	190.00

Pembatalan

4. Para 4.3 (vi) Pekeliling Bendahari Bil.2 Tahun 2014 (Panduan Tuntutan Perjalanan Rasmi Dalam Negeri) berkaitan kelayakan maksimum bayaran hotel bagi pegawai gred 1 hingga 52 adalah dibatalkan.

Tarikh Kuatkuasa

5. Tarikh kuatkuasa Pekeliling ini adalah mulai 01 Januari 2016.

Sekian terima kasih.

" SYARIAT ALLAH MEMBIMBING RAJA DAN RAKYAT SEPANJANG ZAMAN "
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


MOHD. YUSRI BIN AWANG
Bendahari

s.k - YBhg. Prof. Dato' Naib Canselor
YBhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
YBhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
YBhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
YBhg. Penolong Naib Canselor
Ketua Unit Audit Dalam